

ILMU DAN SARJANA MENURUT AL-NADWĪ: SUATU REVIEW DAN TEKS

Oleh:
Wan Suhaimi Wan Abdullah

Abstract

Al-Nadwī in his speech entitled "The Place of Knowledge and Responsibilities of Those Who Acquire It" describes the concept of knowledge and the responsibilities of scholars in Islam. It tries to prove how the Islamic concept of knowledge and scholarship is important for the development of the human thought and modern sciences, especially in the modern world. This article is a translation of this speech preceded by a brief review on it.

PENDAHULUAN: SUATU REVIEW

Syed Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī, seorang tokoh yang tidak asing di dunia Islam juga di Barat. Karya dan sahamnya di dalam perkembangan pengajian, kefahaman dan penyebaran Islam adalah sangat besar. Cetusan pemikirannya dalam pelbagai bidang merangkumi dakwah, sirah, sejarah, tasawuf dan sebagainya dikagumi para ilmuan Islam dan bukan Islam. Ini semua menonjolkan kewibawaannya sebagai seorang tokoh pendakwah dan pemikir Islam yang disegani. Penulisan ini di samping mengemukakan suatu review terhadap pemikiran beliau tentang ilmu dan sarjana berdasarkan teks ucapan beliau di majlis konvokesyen ketujuh Universiti Kashmir pada 29 Oktober 1981 bersempena penerimaan anugerah Ijazah Doktor Persuratan, juga merupakan suatu usaha untuk mengetengahkan idea, pemikiran dan hasil penulisan tokoh kepada pembaca Melayu.

Ucapan yang bertajuk "Kedudukan ilmu pengetahuan dan tanggungjawab mereka yang memilikinya" ini, umumnya memperkatakan tentang persoalan konsep dan realiti sebenar ilmu dan ilmuan di dalam Islam. Ia menyentuh perbincangan berkaitan hakikat ilmu, asas atau dasar penting sesuatu ilmu pengetahuan serta sifat dan tanggungjawab seorang ilmuan. Ia juga memperkatakan tentang kedudukan universiti dan institusi pendidikan sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan, dilihat dari aspek misi dan visi yang sepatutnya didokong.

Ilmu menurut al-Nadwī adalah suatu kesatuan bersifat universal dan tidak mungkin dikelaskan atau disempitkan dengan sifat dan karektor-karektor yang

menjadikan sesuatu hasil keilmuan itu milik atau khusus untuk generasi atau bangsa tertentu. Kesatuan ilmu pengetahuan ini penting dan perlu difahami dan dihayati bukan sahaja dalam usaha untuk meruntuhkan tembok pemisah antara ilmu-ilmu di era-era yang berbeza, juga demi menghilangkan bentuk pengasingan yang wujud di antara disiplin-disiplin ilmu yang berlainan khususnya yang melibatkan antara ilmu keagamaan dan kerohanian di suatu pihak dan ilmu keduniaan dan kebendaan di suatu pihak yang lain. Ini penting terutama dalam konteks masa kini khususnya panorama yang dapat diperhatikan menunjukkan ketidakseimbangan di antara dua aspek penting perkembangan kemanusiaan iaitu aspek kerohanian dan fizikal. Hasilnya matlamat sebenar sesebuah institusi pendidikan untuk melahirkan golongan yang bukan hanya mendokong maklumat sesuatu ilmu tetapi menghayati dan merealisasikan dalam kehidupan tidak tercapai. Sebaliknya para graduan yang dihasilkan tidak lebih dari golongan yang hanya sekadar bermaklumat, bukannya berpendidikan, cenderung ke arah menggunakan maklumat yang didapatinya demi kuasa dan kebendaan dan tidak untuk membina dan mendidik masyarakat.¹

Di samping itu, beliau juga menegaskan konsep ilmu Islam yang menghubungkan di antara manusia dan Tuhan, antara dunia dan akhirat kerana hanya dengan panduan dan hidayat daripada Tuhan sahaja manusia mampu menjamin kestabilan dan keseimbangan perkembangan ilmu dan maklumat. Wahyu pertama yang diturunkan kepada junjungan Rasulullah s.a.w. secara jelas menekankan aspek ini. Ia juga menegaskan bagaimana Islam mengutamakan aspek ilmu pengetahuan dan pendidikan berteraskan keimanan, yang seterusnya akan menjadi tonggak kemajuan manusia dan kemanusiaan sejagat.

Kedudukan dan tugas institusi ilmu dan ilmuan juga dibincangkan memandangkan ia adalah mekanisme penting yang berperanan melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan sanggup mendokong perjuangan membina ummah. Kekuatan sesebuah universiti misalnya tidak dinilai dari aspek fizikalnya semata-mata, bahkan yang utama adalah sejauhmana ia mampu menghasilkan kader-kader yang berwibawa dalam membimbing kemanusiaan ke arah kejayaan yang sebenar. Sesebuah negara, menurut al-Nadwī tidak patut berbangga dengan hanya mampu membina dan menubuhkan banyak universiti, tetapi kebanggaan sebenar adalah pada kesan dan impak universiti-universiti tersebut.

Para ilmuan dan sarjana yang merupakan penggerak dan pendokong perkembangan ilmu pengetahuan dan institusi-institusi berkaitan, mempunyai kedudukan yang penting dalam konteks ini. Generasi yang baik tidak akan dapat dihasilkan oleh guru yang menyeleweng. Oleh yang demikian al-Nadwī di dalam ucapannya itu menggariskan kriteria-kriteria penting bagi seseorang sarjana. Dari

¹ Lihat kata-kata aluan oleh Prof. Ale Ahmad Suroor terhadap edisi ucapan al-Nadwī, *The Place of Knowledge and Responsibilities of Those Who Acquire It*, Lucknow: Islamic Research and Publications, siri ke 151, (t.t.), hal. 1-3.

aspek peribadi seseorang sarjana mestilah seorang yang beriman dan bertaqwa, sukakan kebaikan, tidak pentingkan diri sendiri dan sentiasa mendokong kepentingan bersama. Tegas dan tetap dalam memperjuangkan kebenaran dan memerangi ketidakadilan. Tidak rela ditundukkan oleh mana-mana kuasa penyelewengan dan berani berkata yang hak berasaskan keyakinan kepada Tuhan Yang Maha Mengetahui dan hari pembalasan. Kriteria-kriteria yang digariskan di sini dengan jelas menggambarkan bagaimana al-Nadwi sangat menekankan aspek keimanan dan kerohanian para ilmuan kerana dengan penghayatan ini para sarjana akan mampu mendokong tugas dan kewajiban mereka dengan lebih terkawal dan terpadu.

Demikian sebagaimana yang dapat diperhatikan, ucapan yang ringkas dan padat ini telah menghidangkan cetusan pemikiran yang amat penting dan bernilai tentang konsep ilmu dan kesarjanaan yang dianjurkan oleh Islam. Cetusan sebegini di samping memperlihatkan kecantikan dan keunikan Islam sebagai suatu agama yang syumul, ia juga menggambarkan kefahaman tokoh yang jelas tentang falsafah ilmu dan pendidikan dalam Islam.

TERJEMAHAN TEKS

Ilmu Pengetahuan dan Tanggungjawab Ilmuan²

Oleh: Syed Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwi

Terjemahan dan edit oleh: Wan Suhaimi Wan Abdullah

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Saudara Canselor, saudara Pro-Canselor, saudara Naib Canselor, para Pensyarah dan Sarjana serta para tetamu-tetamu kehormat!

Saya percaya bahawa ilmu pengetahuan adalah unit dan tidak boleh dibahagikan (*indivisible*). Oleh yang demikian, membahagikannya kepada bahagian-bahagian; misalnya ilmu klasik dan moden, timur dan barat, atau ideologikal dan praktikal adalah tidak tepat. Dalam kontek ini, Iqbal³ pernah menyebut:

² Tajuk asal artikel ini ialah "The Place of Knowledge and Responsibilities of Those Who Acquire It". Ia asalnya adalah suatu ucapan yang disampaikan oleh Syed Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwi sempena penganugerahan Doktor Persuratan (Honoris Causa) di majlis konvokesyen ke tujuh Universiti Kashmir pada 29 Oktober 1981. Ucapan yang disampaikan dalam bahasa Urdu ini, kemudiannya telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Dr. Mohammad Asif Kidwai dan diterbitkan di Lucknow, India oleh Academy of Islamic Research and Publications, siri no.151, (t.t.). Terjemahan Melayu ini dibuat berdasarkan terjemahan Inggeris tersebut (Penterjemah).

³ Beliau maksudkan di sini Mohammad Iqbal (1877-1938M), salah tokoh pemikir kontemporari Islam yang terkenal. Antara karya-karya utama beliau ialah *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Lahore, 1958, *The Development of Metaphysics in Persia: A Contribution to*

Berbicara tentang moden dan klasik adalah suatu tanda kedangkalan visi (*nar-
rowness of vision*)

Ilmu pengetahuan, pada saya adalah suatu hakikat (*truth*) yang berupa kurnia Tuhan dan ia tidak dan sepatutnya bukan milik suatu rumpun bangsa atau masyarakat tertentu. Di dalam kepelbagaiannya, saya melihat kesatuan (*unity*). Kesatuan tersebut adalah "hakikat", pencariannya, keupayaan semulajadi untuk mencapainya dan nikmat pencapaiannya. Saya amat berterima kasih kepada Canselor dan pegawai-pegawai lain di universiti ini kerana pilihan mereka bagi penghormatan akademik yang tinggi ini adalah seorang yang berkecimpung dengan sistem pendidikan tradisional.

Dalam apapun bidang kajian; kesusasteraan, falsafah maupun sains, saya tidak sependapat dengan pandangan yang mendakwa bahawa hanya dia sahaja yang layak digelar sarjana dan intelek yang lahir dengan "uniform"nya, sedangkan orang lain yang tidak menyarungkan dirinya dengan uniform ini tidak layak mendapat pengiktirafan. Hal yang sama, malangnya, berlaku dalam kes syair dan kesusasteraan di mana sudah menjadi sesuatu yang dianggap pasti bahawa seseorang yang tidak mempamirkan karya-karyanya di dalam cermin kedai atau mengetengahkan dirinya dalam kelompok penyair atau penulis, tidak akan mendapat tempat di gelanggang persuratan. Dunia sekarang tidak bertolak ansur walaupun terhadap para sasterawan yang baru lahir yang tidak memakai "uniform" tersebut atau yang tidak cukup bernasib baik untuk memperolehnya dari kedai. Saya percaya akan kesyumuluan (*universality*), kekuatan (*vigour*) dan kesegaran (*freshness*) pembelajaran yang sering dilengkapi dengan pedoman Ilahi. Sekiranya di sana terdapat keinginan yang serius, ditambah dengan dorongan dan kesungguhan yang sebenar, maka rahmat Tuhan tidak akan terhalang. Ia pasti akan sampai.

Majlis konvokesyen Universiti Kashmir yang terletak di lembah yang cantik di syurga Himalaya ini, telah mengingatkan saya akan suatu peristiwa yang berlaku 1400 tahun yang lampau di suatu tanah kontang di Semenanjung Tanah Arab di atas sebuah bukit yang tidak begitu tinggi lagi gondol.⁴ Impak yang hebat dan kesan yang berkekalan yang dihasilkannya dalam sejarah sememangnya suatu yang unik dalam catatan sejarah bangsa kita. Dan suatu yang cukup penting dan bermakna ialah peristiwa ini berkait rapat dengan "batu penanda" dan "pen" yang merupakan asas segala struktur ilmu pengetahuan dan ketamadunan, di mana tanpanya pusat-pusat *the History of Muslim Philosophy*, Lahore, 1964 dan Javid Namah, K. Lumpur, 1991. Lihat tentang pemikiran beliau misalnya Malik, H. (ed.), *Iqbal*, New York, 1971, Siddiqi, M., *Concept of Muslim Culture in Iqbal*, Islamabad, 1970, Raschid, M. S., *Iqbal's Concept of God*, London, 1981 dan Vahid, S. A., *Iqbal His Art and Thought*, Lahore, 1948 (Penterjemah)

⁴ Beliau menambah bahawa walaupun tanah di situ tandus dan bukitnya gondol dan tidak berpokok, namun ia disifatkan oleh Hafeez Jullunduri sebagai:

*Walaupun rumpai tidak tumbuh dan bunga-bunga tidak mengembang di sini
Namun syurga-syurga menundukkan diri untuk menghampirinya.*

pengajian yang hebat dan perpustakaan-perpustakaan yang besar tidak akan wujud. Apa yang saya maksudkan di sini adalah wahyu Ilahi yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. pada atau sekitar 12 Februari, 611M. di gua Hira' dekat Mekah. Wahyu tersebut berbunyi:

Bacalah (wahai Muhammad)!

Dengan nama Tuhanmu yang Menciptakan

Dia yang mencipta manusia daripada segumpal darah

Bacalah! Dan sesungguhnya Tuhan kamu Maha Pemurah

Dia yang mengajar (penggunaan) pen

Mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu (al-'Alaq, 96:1-5)

Demikian, di permulaan wahyu berperingkat dan pada curahan hujan Rahmat yang pertama ini, Tuhan Yang Mengasihani alam ini tidak mengeneipkan kenyataan yang mengatakan bahawa penentuan sesuatu pembelajaran adalah bergantung kepada pen. Apa yang pasti, ini berlaku semasa penyendirian di Gua Hira, di mana seorang "Pencari Kebenaran" (*apostle*) yang buta huruf pergi menuntut suatu mesej dari Tuhan yang Maha Kuasa sebagai petunjuk dan panduan bagi kemanusiaan sejagat, sedangkan Baginda sendiri tidak tahu membaca mahupun menulis. Mungkinkah ditemui contoh yang sama atau seumpamanya di mana-mana peringkat sejarah? Seterusnya menggambarkan kecemerlangannya. Wahyu telah diturunkan buat kali pertama kepada seorang Nabi yang ummiy di sebuah negara yang buta huruf, di mana memperkatakan sesuatu tentang institusi pendidikan ataupun hanya tentang celik huruf adalah terlalu janggal. Dengan penurunan ini, suatu hubungan telah diwujudkan, setelah beratus-ratus tahun antara langit dan bumi, dan ianya bermula dengan "Bacalah!". Baginda yang tidak tahu membaca dan menulis telah diarah supaya membaca. Ini menunjukkan bahawa masyarakat yang akan dipertanggungjawabkan kepada Baginda bukanlah hanya masyarakat "pelajar" akan tetapi masyarakat pendokong ilmu pengetahuan dan "guru" kepada dunia sejagat. Ia akan mempromosikan pengajian kepada kemanusiaan seluruhnya. Era yang telah ditentukan kepadanya bukanlah suatu era yang gelap dan penuh kejahilan, tetapi era yang progres dan bersinar.

Ia mengisyiharkan: Bacalah! Dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Kesilapan besar sebelum ini ialah memutuskan hubungan di antara ilmu pengetahuan dan Pencipta. Kesannya, hilang matlamat dan haluan pembelajaran, seterusnya terpesong dari landasan yang sepatutnya. Namun kini, hubungan yang terputus itu telah diperbaiki bila mana ilmu pengetahuan telah dimuliakan. Di samping itu, penegasan juga diberikan tentang sesuatu ilmu pengetahuan itu patut bermula dengan Nama Tuhan kerana ia (ilmu) adalah kurniaan Ilahi dan hanya akan mengalami suatu perkembangan yang kukuh dan seimbang di bawah petunjuk atau hidayatNya. Ini adalah suatu revolusi yang jelas, juga suatu panggilan permulaan bagi satu era gemilang yang pernah didengari dunia ini. Tiada seorangpun sebenarnya, dapat

memikirkan tentang perkara ini pada ketika dan keadaan itu. Mungkinkah ada mana-mana ahli fikir dan penulis dunia ketika itu mengagak bagaimanakah permulaan wahyu yang akan diterima nanti dan apakah keutamaan yang akan diberikan padanya? Saya berkeyakinan tiada seorang pun di kalangan manusia yang faham tentang suasana intelektual dan kebudayaan orang Arab ketika itu akan berkata bahawa wahyu tersebut akan dimulakan dengan Bacalah!

Pengumuman bahawa suatu pengembaraan ilmu pengetahuan patut bermula di bawah petunjuk Tuhan yang Maha Mengetahui adalah suatu yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Ia telah menggariskan suatu titik pemisah (*watershed*) dalam dunia pembelajaran. Perjalanan ini adalah suatu perjalanan yang panjang, berat dan berisiko. Ia penuh dengan kesulitan. Karavan-karavannya dirompak di terang siang hari. Pemandu yang sempurna sangat diperlukan, dan siapa yang paling layak - Kewujudan yang Maha Agung (*The Supreme Being*), Yang Maha Bijaksana (*The All-wise*)? Ia bukanlah ilmu pengetahuan yang abstrak yang dimaksudkan. Bukan juga ilmu pengetahuan yang berdekorasi atau dihiasi dengan warna-warna, atau dengan permainan melibatkan boneka-boneka, atau ilmu pengetahuan yang bertujuan hanya sekadar hiburan atau untuk berperang antara satu sama lain atau untuk mengisi perut. Ia juga bukan ilmu pengetahuan yang hanya mengajar tentang kegunaan lidah semata-mata. Namun:

Bacalah! Dengan Nama Tuhan kamu yang menciptakan

Yang menciptakan manusia dari segumpal darah

Bacalah! Dan Tuhan kamu yang Maha Pemurah

Dia yang mengajar (kegunaan) Pen

Mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu (al-'Alaq, 96: 1-5)

Pengumuman ini adalah jelas, tegas dan positif. Bacalah! Tuhan kamu adalah yang Maha Pemurah (*Benevolent*). Bagaimana mungkin Dia tidak prihatin terhadap keperluan-keperluan dan kelemahan-kelemahan kamu? Bacalah! Dan Tuhan kamu yang Maha Pemurah (*Most Bountiful*), Dia yang mengajar (kegunaan) Pen. Apa yang mungkin memartabatkan kuasa dan penghormatan pen lebih dari itu? Siapa yang mampu memberikan kemuliaan dan kehormatan yang lebih baik kepadanya? Ingatlah, ia adalah wahyu pertama di Gua Hira', di bandar yang mungkin tiada kedapatan suatu pen pun di mana-mana kediaman. Jika ingin mendapatkannya, kamu terpaksa pergi ke rumah Waraqah bin Nawfal⁵ atau seseorang yang pernah menerima pendidikan di Parsi.

Ia juga, seterusnya membongkarkan hakikat yang besar bahawa ilmu pengetahuan adalah suatu yang tidak terhada (*infinite*). Ia tiada penghujung. Dia yang

⁵ Seorang ilmuan Arab yang hidup sezaman dengan kebangkitan Rasulullah. Beliau pakar dalam bahasa Hebrew dan dianggap sebagai seorang yang berautoriti tentang Kitab Taurat dan Injil.

mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu. Apakah sebenarnya sains? Apakah pula teknologi? Manusia menjelajahi bulan. Kita telah menguasai angkasa, dan telah merapatkan jarak-jarak bumi (*pulled the ropes of the earth*). Tidakkah ini suatu keajaiban?

Saudara!

Saya memohon perhatian saudara-saudara sekarang, untuk mengemukakan beberapa saranan sebagai seorang pejalan biasa di lembah pembelajaran.

Perkara utama bagi sesuatu universiti itu adalah karektor bangunannya. Usaha dan matlamatnya adalah, sepatutnya, untuk menghasilkan manusia yang, sebagaimana dinyatakan oleh Iqbal, tidak sanggup menjual kesedarannya untuk "segenggam barli". Sudah menjadi suatu tanggapan sekarang, di bawah pengaruh ideologi-ideologi moden dan kedudukan semasa bagi sesuatu perkara, bahawa setiap individu itu mempunyai harga. Tiada seorangpun yang tidak boleh dibeli demi menawarkannya untuk sesuatu benda atau lainnya.

Kejayaan sebenar sesebuah universiti terhenti pada pembentukan personaliti ilmunan-ilmuannya pada suatu jalan dan melahirkan warganegara bagi masyarakat yang tidak rela diri mereka dilelong atau yang mudah dipengaruhi oleh ideologi perosak atau pergerakan yang menyeleweng; suatu sampel atau spesimen yang layak bagi kemanusiaan sebagaimana yang dapat dinyatakan bersama Iqbal:

Dengan rahmat Engkau, tidaklah aku tanpa kehormatan,

Aku bukanlah hamba kepada Toghral atau Sanjar;⁶

Walaupun pandangan global (*world-seeing*) adalah tabiatku,

Aku bukannya cawan milik Jamshed.⁷

Keduanya, universiti-universiti kita seharusnya menghasilkan manusia yang bersedia untuk mengorbankan nyawa mereka demi kebenaran, ilmu pengetahuan, reformasi dan kebangkitan, dan mencapai kepuasan yang sama dari pengorbanan ini sebagaimana manusia umumnya capai ketenangan hati dari makan dan minum. Mereka melihat kekalahan sebagai suatu yang lebih bermakna - demi mengenalpasti keadaan - dari kemenangan.

⁶ Nama dua raja Turki purba.

⁷ Agak sukar untuk memahami maksud ungkapan syair ini khususnya terjemahan ini didasarkan kepada terjemahan Inggerisnya. Di bawah ini disertakan terjemahan Inggeris tersebut:

*By Thy grace, I am not without honour,
No Toghral's or Sanjar's, slave I am;
Though world-seeing is my nature,
I am no Jamshed's cup. (Penterjemah)*

Universiti-universiti patut melihat sejauh mana mereka telah berjaya menghasilkan manusia yang betul-betul bermutu dan bernilai. Kehebatan sesebuah negara tidak bergantung kepada bilangan universiti yang dimiliki. Kriteria ini kini menjadi suatu yang sudah ketinggalan. Hal yang sebenarnya adalah berapa ramai dari warga-warganya yang bersabar dengan keperihatinan terhadap tugas dan tanggungjawab mereka dan mampu menampilkan diri untuk melibatkan diri demi pencapaian dan penyebaran ilmu pengetahuan, perkembangan dan kemajuan nilai-nilai moral, dan menghalang keburukan seperti korupsi, tamak, keganasan dan ketidakadilan. Berapa ramai daripada mereka yang mampu menjangkau kepentingan-kepentingan peribadi seterusnya mengangkat negara ke suatu tahap kebudayaan dan kerohanian yang lebih tinggi?

Matlamat dan tujuan dasar ilmu pengetahuan adalah untuk mengemukakan kehidupan dan jiwa yang baru kepada negara dan bangsa. Saya akan bacakan kepada hadirin beberapa rangkap dari ungkapan Iqbal yang, walaupun tidak ditujukan kepada syair-syair atau penulis-penulis secara langsung, namun sesuai untuk dikaitkan dengan segala bidang pembelajaran:

Suatu yang bernilai adalah suatu citarasa bagi Seni, wahai manusia yang bervisi,
Tetapi visi yang menanggapi suatu yang bukan hakiki adalah sia-sia (*futile*).

Lagu dari suatu syair atau musik pemusik jalanan (*minstrel's strain*),

Suatu yang tidak bernilai adalah angin sepoi bahasa (*zephyr*) yang memuramkan taman.

Matlamat Seni adalah sebagai api kepada kehidupan yang berpanjangan (*flame of the immortal life*),

Bukanlah suatu detik (*spasm*) atau dua yang hilang lenyap seperti kerdipan api (*sparks*)

Sebelum saya simpulkan, izinkan saya memperkatakan sepatah dua kata kepada saudara-saudara yang beruntung yang telah menamatkan pengajian mereka dengan jayanya seterusnya memperolehi ijazah-ijazah, juga kepada yang masih lagi belajar di sini. Saya akan merujuk kepada suatu suasana dalam mengaitkannya dengan suatu cerita teladan (*parable*) yang mungkin agak lebih disenangi oleh pendengaran selepas saranan yang telah saya tegaskan kepada kamu.

Suatu ketika, sekumpulan pelajar bersiar-siar menaiki sebuah bot. Masa dan suasana ketika itu menyenangkan, udara nyaman dan remaja-remaja tersebut semuanya bersemangat. Mereka diiringi oleh seorang pemandu bot yang sederhana, berkhidmat bagi tujuan kegemilangan dan hiburan, dan mampu menjadikan para pelajar tersebut duduk dengan tenang? Salah seorang daripada mereka bertanya pemandu bot tersebut, "Pakcik, apakah subjek-subjek yang pernah pakcik baca?" "Saya tidak pernah membaca apa-apa", pemandu bot itu menjawab. Pemuda itu mengeluh seraya berkata, "Oh! Apakah kamu tidak membaca sains?" "Namanya pun saya tidak pernah

mendengarnya”, jawab pemandu bot itu lagi. “Tapi kamu pasti mengetahui Geometri dan Algebra”, salah seorang pemuda lain menyampuk. “Nama-nama ni pun semuanya suatu yang baru bagi saya”, jawabnya. Sekarang tiba giliran pelajar ketiga untuk menonjolkan kepintarannya. “Kamu pasti telah mempelajari Sejarah dan Geografi”, katanya. “Adakah nama-nama ni semua nama bagi orang atau bandar?” tanya pemandu bot tersebut. Ketika itu, budak-budak itu ketawa terbahak-bahak dan menanyakan pemandu bot itu berapa umurnya. “Empat puluh tahun atau lebih”, katanya. “Kamu telah menghabiskan sebahagian umur kamu tanpa mempelajari sesuatu”, dakwa pemuda-pemuda itu. Pemandu bot yang miskin itu berdiam diri. Seketika selepas itu, ribut melanda dalam sungai dan bot mereka mula berhayun dipukul gelombang yang tak terkawal. Bencana nampaknya akan berlaku bila-bila masa sahaja, dan para pelajar yang tiada pengalaman dengan perjalanan air merasakan tersangat gementar. Mereka diselubungi ketakutan terhadap nyawa mereka. Pemandu bot itu kemudiannya, dengan menampakkan kesungguhan, bertanya para pemuda tersebut, apa yang mereka telah belajar? Pelajar-pelajar tersebut, yang gagal menanggapi maksud sebenar pemandu bot itu, mula menyatakan senarai yang panjang tentang subjek-subjek yang diajar di kolej-kolej. Tatkala mereka selesai memperkatakannya, pemandu bot itu dengan senyum berkata, “Kamu telah membaca kesemua perkara-perkara ini. Tapi, nyatakan adakah kamu juga mempelajari berenang? Sekiranya - semoga Tuhan memelihara kita - bot ini karam, bagaimana kamu akan sampai ke tebing?” “Pakcik!” pemuda-pemuda itu menjawab, “Inilah satu perkara yang kami tidak tahu. Kami tidak pernah terfikir untuk mempelajarinya”. Di saat itu pemandu bot itu ketawa dengan kuat dan menyatakan, “Saya telah menghabiskan sebahagian dari hidup saya, tetapi kamu telah hilang keseluruhan nyawa kamu. Pengajian kamu tidak akan dapat menyelamatkan kamu di dalam ribut. Hanya berenang yang mampu menyelamatkan kamu pada hari ini sedangkan kamu tidak mengetahuinya”.

Negara-negara yang dikatakan berkuasa dan maju dalam dunia hari ini berkonfrantasi dengan situasi yang sama. Perahu kemanusiaan berada dalam bahaya yang serius dan membimbangkan, pasang surut lautannya mula mengancam menuju ke arahnya sedangkan daratan masih lagi jauh. Para penumpang perahu yang hebat, mengetahui semua perkara tetapi jahil tentang seni berenang dan pelayaran. Ataupun, dengan kata lain, semua pencapaian keintelektualan dan saintifik sedang menuju ke arah keruntuhan, manusia moden sudah tidak tahu bagaimana untuk hidup sebagai seorang yang bertamadun dan sebagai manusia yang takutkan Tuhannya. Iqbal telah menggariskan suatu perhatian terhadap suatu peristiwa yang menyedihkan, juga suatu kontradiksi yang menghairankan yang telah menghasilkan tanda tanya yang hebat sebelum dunia abad ke-20 dan telah membawanya ke persimpangan jalan penentuan.

Beliau berkata:

Seseorang yang telah merantaikan sinaran matahari tidak dapat

Menzahirkan fajar ke atas kegelapan malam yang bernyawa;
Dia menyelidiki orbit bintang-bintang, tapi telah gagal
Untuk menjelajahi pemikiran dunianya sendiri;
Dia telah tersimpul di dalam buaian pengajiannya,
Dia tidak dapat membezakan antara kebaikan dan keburukan.

Seni memimpin kehidupan yang baik, berguna dan mulia adalah pada dasarnya berasaskan sifat takutkan Tuhan (*god-fearingness*), cintakan keamanan dan kebaikan terhadap kemanusiaan (*humanitarianism*), kawalan jiwa dan kesediaan untuk menundukkan kepentingan peribadi demi kebaikan bersama. Tidak mempunyai kepentingan diri sendiri dalam mengemukakan khidmat terhadap orang lain, menghormati kemanusiaan sejagat, bersedia menjaga nyawa, harta dan kehormatan sesama manusia, mengutamakan tugas-tugasan dari hak, membela yang lemah dan tertekan, juga membantu yang kuat dalam memerangi dan menentang yang zalim, tetap dalam penentangan terhadap golongan yang tiada apa yang dapat dibanggakan pada mereka selain daripada pengejaran kuasa dan pengumpulan harta, dan tidak rela dipengaruhi dan dikuasai oleh golongan tersebut, berkeberanian dalam memperkatakan yang benar pada sepanjang masa dengan mengambil kira keadaan setempat negara masing-masing, percaya kepada Kuasa yang Maha Mengetahui lagi Maha Melihat, takutkan saat kebangkitan semula selepas mati, juga saat di mana segala catatan perbuatan yang pernah dilakukan oleh seseorang di dunia dibentangkan; semuanya ini adalah syarat-syarat pokok bagi kehidupan yang baik dan mulia. Ia juga adalah tuntutan-tuntutan dasar bagi suatu masyarakat yang sihat dan bangsa yang kuat dan bermaruah. Mengatur dan menguruskan latihan serta seliaan tentang sifat-sifat ini dan mewujudkan suatu suasana yang akan membantu ke arah perkembangannya adalah tanggungjawab asas dan utama institusi-institusi pendidikan.

Kesempatan seperti di majlis konvokesyen yang kita semua sangat bertuah kerana dapat menghadirinya hari ini menawarkan peluang yang terbaik untuk menilai diri kita sendiri dan melihat sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh institusi-institusi pendidikan kita dalam merealisasikan penghujung dan matlamat ini, dan bagaimanakah, dalam konteks ini, nilai dan kualiti para sarjana yang dihasilkan oleh mereka, juga apakah perancangan-perancangan yang telah digariskan untuk masa-masa hadapan.

Sekali lagi saya berterima kasih terhadap penghormatan yang diberikan kepada saya, juga segala perhatian dan kepercayaan yang telah digambarkan melalui penganugerahan tersebut.